

TERMA DAN SYARAT

JENGA FAMILY COMPETITION SIMPAN SSPN

1. Kempen Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023 merupakan salah satu kempen yang telah dirangka dan dilaksanakan bermula tahun 2018 sebagai salah satu kempen promosi dalam usaha untuk menjadikan Simpan SSPN sebagai pilihan utama masyarakat untuk membuat penabungan.
2. *Jenga Family Competition* Simpan SSPN adalah pertandingan secara terbuka yang disertai secara berkumpulan dengan melibatkan ahli keluarga dan bertujuan bagi mengeratkan hubungan kekeluargaan.

TARIKH PERTANDINGAN

3. Pertandingan ini akan diadakan pada **14 Oktober 2023 (Sabtu)** bertempat di **Angsana Johor Bahru Mall, Johor Bahru**.
4. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tarikh pertandingan ini sekiranya perlu dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN, media massa, paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh tersebut.

KELAYAKAN

5. Terdiri daripada **warganegara Malaysia**.
6. Pertandingan ini terbuka kepada semua **KECUALI** kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak).
7. Peserta perlu **mempunyai akaun Simpan SSPN yang dibuka dengan deposit minimum RM50.00 atau membuat penambahan simpanan minimum RM50.00 pada tarikh pertandingan** untuk mendapatkan **satu (1) penyertaan**.

CARA PERMAINAN

8. Bilangan pemain bagi setiap kumpulan terhad kepada **tiga (3) orang** sahaja.
9. Pada permulaan permainan, salah seorang pemain yang dilantik dalam setiap kumpulan akan menyusun mainan jenga seperti blok asal.
10. Terdapat tiga (3) kepingan bar kayu yang disusun pada setiap satu (1) tingkat blok, dan bagi tingkat yang seterusnya susunan blok perlu disusun secara bersilang dengan tingkat yang sebelumnya.
11. Pemain yang menyusun mainan jenga kepada blok asal akan memulakan giliran langkah pertama.
12. Pemain perlu menarik satu (1) kepingan bar kayu dari salah satu tingkat blok asal (kecuali bagi dua (2) tingkat paling atas) dan meletakkan kepingan bar kayu tersebut pada bahagian atas sekali.

13. Pemain dibenarkan untuk menggunakan hanya satu tangan sahaja semasa menarik kepingan bar kayu. Memegang dan/ atau, menarik keluar kepingan bar kayu dengan menggunakan kedua-dua tangan adalah dilarang.
14. Selepas setiap giliran pemain, pemain seterusnya perlu menunggu sepuluh (10) saat untuk melihat keadaan blok. Jika blok tidak jatuh, pemain seterusnya akan meneruskan giliran untuk menarik kepingan bar kayu.
15. Permainan berakhir apabila menara blok jatuh dan pemenang adalah pemain yang mana dapat mengekalkan kedudukan menara blok mainan jenga tersebut daripada jatuh.

HADIAH PERTANDINGAN DAN TUNTUTAN HADIAH

	HADIAH
PEMENANG	Cenderamata PTPTN

16. PTPTN tidak bertanggungjawab untuk apa-apa kelewatan atau kegagalan menerima notifikasi atas apa-apa sebab, kesulitan teknikal yang berkaitan dengannya atau kegagalan peserta memberikan butiran diri setelah diumumkan sebagai pemenang.
17. Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik atau ditukar sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN.
18. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan.

PERUNTUKAN UMUM

19. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat dalam kempen ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian tanpa notis terlebih dahulu. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan sepertimana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan terdahulu yang berkaitan dengannya.
20. PTPTN berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan kempen ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu dan/ atau tanpa memberikan apa-apa sebab kepada mana-mana peserta. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan kempen ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana peserta untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
21. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya.
22. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya

didapati peserta tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.

23. Jika pemenang didapati tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam kempen ini atau menebus hadiah yang diberikan, PTPTN berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada pemenang yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh PTPTN.
24. Penyertaan peserta dalam kempen ini adalah atas risiko peserta sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut.
25. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung pertandingan ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.
26. PTPTN boleh menggunakan penyertaan peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, video, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama peserta, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.
27. Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN adalah dianggap telah diserahkan kepada peserta.

Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh
Jenga Family Competition Simpan SSPN
Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023

Maklumat dikemas kini pada 22 September 2023